

03/11/1999

Pendidikan setaraf negara maju

Noor Azlina Zainudin

PADA umumnya, di ambang alaf ke-21 menyaksikan pendidikan tinggi di negara ini menghadapi tekanan permintaan hebat yang belum pernah dirasakan sejak bebas daripada cengkaman penjajah. Pertumbuhan berkali ganda jumlah penuntut peringkat ini menjadikan kita tidak boleh lepas daripada persoalan kompleks yang bakal berlegar, mampukah kita menampung bilangan pelajar yang semakin ramai?

Tekanan permintaan ini bukan saja untuk pembangunan individu, masyarakat dan negara, tetapi juga atas dasar kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pendidikan khususnya bagi pembangunan individu itu sendiri.

Tempoh 50 tahun yang lalu akan tercatat dalam lipatan sejarah pendidikan tinggi dunia sebagai waktu paling pesat kemajuan pembangunannya. Tempoh itu juga menyaksikan Malaysia berusaha berdiri setanding dengan negara maju lain dalam menyediakan pendidikan tinggi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Di Malaysia, pendidikan tinggi menunjukkan keupayaannya untuk bukan saja stabil dari segi pengembangannya tetapi juga kesediaan untuk berubah serta mencetuskan perubahan kepada masyarakat.

Sehingga akhir dekad ini, pertambahan institusi pengajian tinggi (IPT) awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di seluruh negara boleh disifatkan reaksi positif terhadap hasrat untuk melahirkan lebih ramai generasi celik ilmu.

IPTA yang menjadi pilihan utama lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), menguasai pasaran pendidikan tempatan dengan peningkatan bilangan graduan yang dikeluarkan setiap tahun.

Rentetan sejarah penubuhan IPTA di negara ini bermula dengan percantuman Kolej Perubatan King Edward VII dan Kolej Raffles pada April 1949 untuk membentuk Universiti Malaya (UM).

Apa pula kaitan percantuman tersebut dengan perkembangan IPTA di negara ini? Sebenarnya, UM ditubuhkan secara rasmi di Singapura pada 8 Oktober 1949 sebagai sebuah institusi kebangsaan untuk memenuhi keperluan pendidikan tinggi di Malaysia (dahulu dikenali sebagai Tanah Melayu) dan Singapura.

Berdasarkan sejarah, perkembangan UM di Singapura berlaku dengan pesat sehingga membawa kepada penubuhan dua kampus autonomi pada 1959, iaitu sebuah di Kuala Lumpur dan sebuah lagi di Singapura.

Pada 1 Januari 1962, kampus di Kuala Lumpur diiktiraf sebagai sebuah universiti kebangsaan dengan nama 'Universiti Malaya' melalui Akta Universiti Malaya Nombor 44 1961.

Perkembangan pendidikan tinggi di negara ini berlaku dengan pesat antara tahun 1969 hingga 1975. Dalam tempoh berkenaan, beberapa institusi pengajian dan universiti ditubuhkan bermula dengan Institut Teknologi Mara (ITM) pada tahun 1967.

Ini diikuti dengan penubuhan Universiti Sains Malaysia (USM) di Pulau Pinang pada tahun 1969. Sesuai dengan usianya, USM bukanlah universiti yang asing di kalangan pelajar tempatan.

Sejak ditubuhkan 30 tahun lalu, USM adalah antara IPTA yang menjadi pilihan pelajar, terutama lepasan SPM yang ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan dan kejuruteraan. Dengan itu, matrikulasi USM adalah antara impian mereka.

Selain program pengajian dalam bidang sains seperti perubatan, farmasi, teknologi maklumat dan kejuruteraan, USM juga sebenarnya turut menawarkan

program pengajian dalam bidang sastera seperti komunikasi, sains kemasyarakatan, seni halus dan seni muzik. Selain itu, ia turut menawarkan program pengajian dalam bidang pendidikan dan pengurusan.

Sama seperti IPTA tempatan lain, program pengajian di USM meliputi program peringkat sarjana muda hinggalah ijazah lanjutan. Malah, USM menempa sejarah sebagai universiti pertama memperkenalkan program pendidikan jarak jauh (PJJ) di negara ini.

Bermula dengan sistem penghantaran bahan pelajaran kepada pelajar menerusi pos dan kuliah dijalankan di pusat wilayah, program PJJ di USM kini sudah berubah wajah dengan penggunaan alat sidang video sesuai dengan perubahan dan perkembangan teknologi di negara ini.

Sehingga kini USM berjaya mengeluarkan lebih 6,000 graduan menerusi program itu saja sejak ia diperkenalkan pada 1971.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ditubuhkan pada 1970 dan diikuti dengan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) pada tahun 1971 dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada tahun 1972.

UKM yang kini terletak di Bangi, Selangor bermula di kampus sementara di Lembah Pantai. UPM pula bermula dengan Sekolah Pertanian di Serdang pada tahun 1931 dan berkembang menjadi Kolej Pertanian pada tahun 1947.

Terletak di Skudai, Johor, UTM menawarkan pelbagai bidang pengajian khususnya dalam bidang teknologi. Bermula dengan Sekolah Jabatan Kerja Raya pada tahun 1925 dan Maktab Teknik pada tahun 1946. Pada tahun 1971, namanya ditukar kepada Institut Teknologi Kebangsaan dan kemudiannya dinaikkan taraf ke UTM pada tahun 1972.

Menjelang 1980-an, dua lagi IPTA ditubuhkan iaitu Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pada tahun 1983 dan Universiti Utara Malaysia (UUM) pada tahun 1984. UIA pula pada asalnya ditempatkan di kampus sementara di Petaling Jaya dan kemudiannya berpindah ke kampus utamanya di Gombak.

Sarawak juga memiliki sebuah universiti penuh yang dinamakan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) yang mula beroperasi pada Ogos 1993 di Kota Samarahan. Malah, kumpulan pertama siswazah perintisnya telah menamatkan pengajian pada Ogos 1997.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang bertempat di Kota Kinabalu pula ditubuhkan pada November 1994. UMS memulakan program pengajian pertamanya dengan seramai 205 pelajar di dua kampus sementara iaitu di Jalan Tuaran dan bangunan milik Yayasan Sabah, Likas pada 1995.

Selain itu, bermulanya operasi tiga universiti swasta tempatan pertama sudah cukup untuk mencatatkan perkembangan membanggakan di dalam sejarah pendidikan tinggi tanah air sepanjang alaf ini.

Universiti yang dinaungi tiga syarikat swasta gergasi itu ialah Universiti Telekom (Unitele) di Melaka, Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di Kajang, dan Universiti Teknologi Petronas (UTP) di Tronoh, Perak.

Unitele yang sebelum ini dikenali sebagai Institut Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat (ITTM), menjadi universiti swasta sulung negara selepas Telekom Malaysia Berhad menerima surat pelawaan penubuhan daripada Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, pada tahun 1996.

Sementara itu dua lagi universiti swasta, iaitu Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (MUST) serta Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) ditubuhkan pada 1997.

Menyusul selepas itu, KUB Malaysia Berhad menerima surat pelawaan daripada Kementerian Pendidikan pada Disember 1997 untuk menubuhkan Universiti Teknologi Tun Abdul Razak (Unitar) sebagai universiti maya pertama di negara ini.

Tidak dilupakan, sebuah lagi universiti swasta, Universiti Terbuka Malaysia (Unitem), sudah mula beroperasi Ogos lalu dengan menawarkan pengajian secara jarak jauh kepada rakyat tempatan dan luar negara.

Bagaimanapun, berbanding universiti swasta lain, Unitem akan mengumpulkan kepakaran dan sumber program pengajian jarak jauh (PJJ) daripada semua 11 IPTA seluruh negara.

Surat pelawaan untuk menubuhkan universiti itu disampaikan oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak kepada Pengerusi Meteor Distance Learning Sdn Bhd, Tan Sri Dr Abdullah Sanusi Ahmad pada 5 Ogos lalu.

Meteor ialah konsortium yang ditubuhkan bagi menyelaraskan semua program PJJ yang ditawarkan oleh semua IPTA.

Dengan penerimaan surat pelawaan itu, Unitem menjadi universiti swasta keenam dan universiti ke-17 beroperasi di negara ini.

Kumpulan pertama pelajar Unitem seramai 257 orang telah mendaftar mengikuti kursus Kejuruteraan Elektrik di Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Semarak Kuala Lumpur, Ogos lalu.

Universiti berkenaan juga akan menjalankan kerjasama dengan Open University dari United Kingdom, sejajar dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau.

Universiti swasta ketujuh, Universiti Industri Selangor (Unisel), anak syarikat Yayasan Selangor yang dimiliki Kerajaan Negeri Selangor menerima surat pelawaan menubuhkan universiti pada 23 Ogos lalu.

Malah, operasi pentadbirannya sudah dimulakan di kampus sementara di Kolej Impens, Shah Alam, Selangor.

Paling penting, universiti swasta terbabit mampu berperanan menampung keperluan pendidikan tinggi anak watan, termasuk menyediakan peluang kemasukan lebih luas dengan menawarkan mutu pengajian setaraf dengan institusi pengajian tinggi (IPT) di luar negara.

Menyelit di tengah-tengah kerancangan penubuhan universiti swasta ialah kenaikan taraf Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 1 Mei 1997 bertujuan mempertingkatkan martabat pendidikan dan negara secara keseluruhan.

Perkembangan lain yang turut mencatatkan perubahan utama di dalam sejarah pendidikan tinggi negara ialah penukaran nama Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra Malaysia dengan mengekalkan singkatan UPM, pada April 1997.

Penukaran nama itu yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah selaras dengan peranan UPM yang lebih penting dalam penyelidikan serta pembangunan di bidang sains dan teknologi seperti teknologi maklumat (IT) dan multimedia.

Di samping itu, nama baru berkenaan juga dipilih kerana kedudukan lokasinya bersebelahan dengan Putrajaya, iaitu pusat pentadbiran baru kerajaan yang terletak dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

Seterusnya pada 3 Julai 97 lalu, Najib melancarkan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) yang ditubuhkan bertujuan menetapkan, mengawasi dan memberi pengiktirafan bagi kursus serta sijil, diploma dan ijazah dikeluarkan oleh IPTS.

Pengiktirafan itu akan diberikan dalam dua bentuk, iaitu pengiktirafan terhadap institusi serta pengiktirafan kepada kursus. Oleh itu, LAN bertanggungjawab menentukan kualiti dan mekanisme penentuan kualiti bagi IPTS.

Alaf ini juga mencatatkan penubuhan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang mula beroperasi sejak 1 November 1998 lalu.

Perbadanan berkenaan bertanggungjawab mentadbir dan mengendalikan tabung pendidikan tinggi nasional untuk memberi pinjaman kepada pelajar yang layak melanjutkan pelajaran di IPTA dan IPTS.

Biar apa pun namanya, di zaman dan tempat sekalipun ia didirikan, semua universiti pada dasarnya boleh disifatkan sebagai puncak pencapaian keazaman manusia untuk mengekal dan mendapatkan ilmu pengetahuan.

Dekad pertama sejarah pengajian tinggi, iaitu antara 1960 dan 1970,

menampakkan imej universiti sebagai hanya menara gading yang dipertanggungjawabkan menampung keperluan tenaga mahir agensi tertentu terutama kerajaan, badan berkanun dan swasta.

Dekad kedua (1970 hingga 1980) pula adalah jangka masa paling aktif di segi penubuhan dan pembangunan institusi pengajian tinggi.

Waktu yang sama, sebilangan besar pelajar dihantar melanjutkan pelajaran ke luar negara khususnya di bidang yang dianggap penting ketika itu untuk menampung keperluan tenaga mahir di agensi kerajaan.

Dekad ketiga (1980 hingga 1990) pula menyaksikan satu perubahan yang berbeza dan sekaligus memberi amaran yang jelas kepada perancang pengajian tinggi bahawa institusi ini bukan lagi tempat untuk menyediakan anak muda bagi menjawat jawatan tinggi di agensi kerajaan. Sebaliknya, adalah tempat melatih dan mempersiapkan mereka menghadapi alam pekerjaan yang lebih mencabar dan mempunyai daya saingan yang tinggi.

Sesuai dengan cita-cita menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan ilmu, keperluan kepada sebuah institusi pengajian tinggi yang mengajar nilai dan norma yang menekankan aspek kejiwaan manusia, sama pentingnya dengan tubuh, adalah perlu supaya kita dapat membangunkan manusia seimbang.

Alaf mendatang diharap mampu membuka lembaran baru dalam bidang pendidikan negara ini khususnya pendidikan tinggi yang menjadi medan utama kelahiran generasi muda yang bakal menjadi pelapis kepimpinan negara .

`Universiti adalah institusi yang unik dan unggul yang memainkan tiga peranan utama iaitu untuk melahirkan golongan sarjana dan ilmuan, untuk menjalankan penyelidikan bagi mencari ilmu dan kebenaran dan untuk menjadi pemimpin dalam memanfaatkan ilmu bagi pembangunan masyarakat ' - Farquhar